

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)41

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

41. Pelaksanaan Akta 672 Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.
- (a) Apakah keputusan Kerajaan Negeri untuk mengguna pakai Akta ini?
 - (b) Senaraikan kelebihan dan kelemahan Akta ini sekiranya diterima pakai.
 - (c) Jelaskan status atau masa depan *staff* yang bekerja di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

41. (a) Kerajaan Negeri telah menyatakan hasrat untuk membuka rundingan bagi pemakaian Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) di Negeri Pulau Pinang melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bilangan 7 Tahun 2024 bertarikh 28 Februari 2024 dan surat 'Hasrat Rundingan Pemakaian Akta 672' daripada pihak Kerajaan Negeri kepada pihak Jabatan

Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) bertarikh 26 Mac 2024. Proses rundingan tersebut dijangka mengambil masa selama enam (6) bulan sebelum satu keputusan dapat dimuktamadkan.

- (b) Kelebihan dan kelemahan pemakaian Akta 672 adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

BIL.	KELEBIHAN	KELEMAHAN
1.	Peruntukan bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.	Caruman tetap oleh MBPP dan MBSP. Penambahan caruman bagi kawasan-kawasan baharu.
2.	Pembangunan dan pengoperasian Loji <i>Waste to Energy</i> (WTE) akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan.	Kerajaan Negeri dan PBT tidak terlibat dalam perancangan fasiliti sisa pepejal.
3.	Pelantikan anak syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai syarikat konsesi.	Kerajaan Negeri dan PBT tertakluk kepada Akta 672 dan peraturan-peraturan baharu.

JADUAL 1: Kelebihan Dan Kelemahan Pemakaian Akta 672

- (c) Kerajaan Negeri dan PBT masih dalam proses kajian dan rundingan bersama pihak Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) bagi cadangan pemakaian Akta 672 di Negeri Pulau Pinang. Salah satu proses rundingan pemakaian Akta 672 melibatkan sesi libat urus bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Opsyen-opsyen bagi kakitangan PBT akan diperincikan semasa sesi libat urus tersebut kelak.